

**YAYASAN WAKAF ANTARABANGSA (YWA) DI BAWAH PUSAT  
KEWANGAN PESISIR PANTAI LABUAN: CADANGAN MODEL  
PENUBUHAN BERDASARKAN KEPADA PERUNTUKAN  
PERUNDANGAN**

***(International Waqf Foundation (IWF) Under Labuan Offshore Financial  
Center: A Proposed Model of Establishment Based on the Provisions of  
Law)***

Hafizah Shamshuddin  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
hafeeza.shamshuddin@gmail.com

Suhaili Alma`Amun  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
suhaili@ukm.edu.my

Riayati Ahmad  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
riayati@ukm.edu.my

**ABSTRAK**

Di Malaysia, pentadbiran harta wakaf diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui peruntukan undang-undang berkaitan wakaf sama ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau/dan Enakmen Wakaf. MAIN adalah pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri berkenaan. Sistem pentadbiran wakaf yang sedia ada ini menimbulkan beberapa masalah dan kekangan. Kajian ini mengkaji peruntukan undang-undang penubuhan yayasan wakaf di pesisir luar Labuan yang membolehkan pentadbiran harta wakaf dikendalikan secara sendiri oleh waqif, bersifat merentasi sempadan dan membolehkan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf ini dijalankan dengan lebih baik. Seterusnya kajian ini mencadangkan model dan rangka tadbir urus Yayasan Wakaf Antarabangsa (YWA). Kajian ini mendapati Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (LIFSSA 2010) memperuntukkan bahawa yayasan wakaf antarabangsa boleh ditubuhkan di bawah Seksyen 107-110 LIFSSA 2010 [Akta 705]. Rangka tadbir urus YWA ini juga perlu mengambil kira Garis Panduan Penubuhan Yayasan Labuan Termasuk Yayasan Islam dan Garis Panduan Penubuhan Yayasan Wakaf Antarabangsa Labuan (LIWF). Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan harta wakaf yang lebih baik di dalam dan di luar Malaysia.

**Kata Kunci:** wakaf, yayasan, pesisir pantai Labuan, tadbir urus

## ABSTRACT

*In Malaysia, the administration of waqf property is managed by the State Islamic Religious Council (SIRC) through the provisions of wakaf related laws either in the State Islamic Administration Enactment and / or the Waqf Enactment. SIRC is the sole trustee of the waqf property in the state. The existing waqf administration has created several problems and constraints. This study examines provisions of law in relation to the establishment of the waqf foundation at the Labuan offshore which enable the administration of waqf property to be operated independently by waqif, cross-border waqf and more efficient waqf administration and management. This study proposes the structural governance and model of the International Waqf Foundation (IWF). It finds that Section 2 Islamic Financial Services and Securities Act 2010 (LIFSSA) provides that an international waqf foundation can be established under Section 107-110 LIFSSA [Act 705]. The structural governance of the IWF must take into account the Guidelines on the Establishment of Labuan Foundation Including Islamic Foundation and Guidelines on the Establishment of Labuan International Waqf Foundation (LIWF). This study hopefully will be able to contribute to the development of waqf property within and outside Malaysia.*

**Keywords:** *waqf, foundation, Labuan offshore, governance*

## PENGENALAN

Wakaf adalah antara salah satu daripada institusi Islam yang wujud sejak daripada zaman Rasulullah SAW. Ia berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan umat Islam. Institusi ini juga merupakan tunjang kepada kejayaan sistem jaminan sosial Islam, selain mekanisme zakat, sedekah dan lain-lain. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan untuk memastikan sistem wakaf dapat berjalan dengan baik. Perundangan di Malaysia menyediakan satu persekitaran yang membolehkan sistem wakaf ditadbir urus dengan baik.

Di Malaysia, di peringkat Persekutuan, penggubalan undang-undang dijalankan oleh Parlimen dan di peringkat negeri, penggubalan undang-undang dijalankan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing (DUN). Wilayah-wilayah Persekutuan adalah tertakluk kepada pihak berkuasa Persekutuan manakala penguatkuasaan undang-undang negeri adalah tertakluk kepada pihak berkuasa negeri masing-masing. Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi Malaysia. Secara ringkasnya, terdapat tiga institusi yang terlibat dalam pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia iaitu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah. Wakaf ditadbir mengikut undang-undang Islam yang telah dikanunkan secara bertulis dalam undang-undang negeri iaitu Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, di mana perlaksanaannya di letak di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri sepertimana disebutkan dalam perenggan 1, Senarai II - Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (dibaca bersama Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan) bahawa "... Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri sebagai undang-undang yang berada di bawah kuasa negeri." Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pentadbiran harta wakaf. Masalah pertama ialah, berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbirannya. Hal ini berpunca daripada kekurangan kakitangan (Mohamad Salleh, 2009) dan kurangnya tenaga mahir dalam badan pengurusan wakaf (Rohayu & Rosli, 2014). Masalah kedua ialah, lakuna

atau 'gap' dari sudut perundangan iaitu ketiadaan enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri. Setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang mempunyai undang-undang yang khusus untuk wakaf. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 7/1999 menyediakan kuasa perundangan yang lebih komprehensif dan sistematik kepada Majlis Agama Islam Selangor dalam mengurus hartanah wakaf. Ketiadaan enakmen khusus ini menyebabkan tiada perincian tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran wakaf (Megat Mohd Ghazali & Asiah, 2006). Masalah lain yang turut dikenalpasti ialah ketidakselarasan undang-undang wakaf di peringkat negeri di Malaysia yang menimbulkan kekangan untuk menyelaraskan penguatkuasaan wakaf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, ketiadaan enakmen khusus dan kekurangan tenaga mahir yang menguruskan harta wakaf juga mungkin menyumbang kepada kelembapan perkembangan dan pembangunan harta wakaf termasuk wakaf tunai.

Oleh itu, timbulnya cadangan dan idea untuk memperkasa wakaf di peringkat antarabangsa dengan mengintegrasikan konsep wakaf dan pendanaan awam yang dilihat berpotensi besar untuk pembangunan ummah sejagat. Idea ini seringkali diutarakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri ke-5. Beliau melihat wakaf sebagai institusi yang boleh menyatukan dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi di kalangan dunia Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba mencadangkan satu model Yayasan Wakaf Antarabangsa (YWA) yang selari dengan perundangan dan kehendak di peringkat antarabangsa. YWA ini disarankan bekerjasama dengan pendanaan awam berasaskan wakaf. Antara sebab cadangan ini diutarakan ialah, undang-undang dan peraturan-peraturan Labuan lebih relevan dan fleksibel, menjimatkan kos dan berpeluang cerah untuk menarik penyertaan dari seluruh dunia. Objektif kertas ilmiah ini ialah untuk menganalisa sudut perundangan yang membolehkan penubuhan yayasan wakaf di luar pesisir Labuan serta mencadangkan model pelaksanaan rangka kerja penubuhan yayasan tersebut yang dikendalikan oleh entiti sendiri dan tidak bernaung di bawah MAIN. Kepentingan kajian ini ialah ia dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan pengurusan wakaf di Malaysia. Kuasa pentadbiran dan pengurusan harta wakaf di kalangan profesional juga dapat diluaskan dengan menggunakan peruntukan undang-undang dan garis panduan yang diluluskan di luar pesisir Labuan untuk menubuhkan yayasan wakaf.

## **KAJIAN LEPAS**

Waqaf ialah niat dan perbuatan menyerahkan kekayaan peribadi untuk dimanfaatkan oleh masyarakat umum (Barjoyai, 2009). Ia adalah mekanisme pengagihan semula kekayaan yang bagus untuk dilaksanakan kerana ia mementingkan konsep kebajikan (Muhammad Sofiyuddin dan Mohd Zamro, 2017). Wakaf secara tradisionalnya merupakan suatu sumbangan amal di mana ia menjadi sumber pembangunan seperti pembinaan masjid, perpustakaan, dan institusi pendidikan (Mohammad Tahir & Abdul Hamid, 2006). Walau bagaimanapun, wakaf yang dahulunya popular dengan bentuk harta kekal kini telah diperkembangkan menggunakan konsep wakaf tunai.

Secara ringkasnya, wakaf tunai akan melalui tiga proses untuk melengkapkan satu model yang lengkap (Mohd Umar et al., 2012). Menurut Mohd Umar et al. (2012), proses pertama ialah proses pengumpulan dana, di mana dana dikumpul hasil sumbangan pewakaf atau sumbangan orang awam atas nama wakaf tunai melalui program-program kesedaran atau keagamaan yang dianjurkan oleh organisasi wakaf. Seterusnya, proses kedua ialah proses pengembangan dana. Dana yang terkumpul akan disalurkan kepada sektor-sektor yang boleh memberikan pulangan yang baik (Mohd Umar et al., 2012). Proses yang ketiga pula ialah proses pengagihan. Setelah dana yang dilaburkan mencapai tahap yang telah ditetapkan, dana

tersebut diagihkan kepada golongan sasaran dan diperuntukkan kepada aktiviti-aktiviti yang boleh menjana modal insan (Mohd Umar et al., 2012).

Kelebihan wakaf tunai ialah ia dianggap wakaf yang paling penting berbanding jenis-jenis wakaf yang lain kerana wakaf tunai lebih produktif, menguntungkan, dan setiap orang boleh mengambil bahagian dalam proses wakaf dengan menjadi penderma tanpa mengira keadaan ekonomi mereka (Muhammad Ridhwan et al., 2013). Perkembangan harta wakaf tunai kini yang lebih meluas dan popular banyak dibantu oleh perkembangan teknologi dan pihak berautoriti yang lebih cekap, efisien, berpengetahuan luas dalam urusan tadbir urus wakaf. Terdapat beberapa isu dan masalah yang sering timbul dalam pentadbiran harta wakaf. Masalah pertama ialah, berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbirannya. Rohayu & Rosli (2014) menyatakan bahawa terdapat banyak masalah atau isu yang menghalang pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Sebagai contoh, sebanyak 66 peratus daripada keseluruhan masalah yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) adalah berpunca daripada masalah pengurusan, pentadbiran dan pembangunan harta wakaf yang lemah.

Terdapat dua punca yang dapat dikenalpasti yang membawa kepada kelemahan pengurusan ini. Pertama, sebahagian kakitangan yang ditugaskan dalam badan pengurusan wakaf didapati kurang mahir dalam mengendalikan pelbagai kes yang membabitkan pengurusan hartanah wakaf (Rohayu & Rosli, 2014). Kedua, masalah semakin meruncing apabila jumlah peruntukan kakitangan yang ada kurang di setiap MAIN sedangkan masalah wakaf banyak (Mohamad Salleh, 2009). Beliau mengemukakan cadangan bahawa tindakan yang boleh dilakukan oleh MAIN ialah melakukan transformasi pengurusan wakaf. Terdapat tiga pilihan kaedah yang boleh dilaksanakan oleh MAIN menurut Mohamad Salleh (2009). Pertama menambahkan kakitangan di bahagian wakaf; kedua penyumberan luar (outsourcing) aktiviti wakaf kepada pihak lain yang mempunyai kepakaran; dan ketiga melaksanakan strategi pengkorporatan wakaf. Kaedah pengkorporatan wakaf ialah dengan menubuhkan anak syarikat MAIN sendiri di bawah Akta Syarikat 1965 di mana MAIN memegang 100 peratus saham anak syarikat. Selain itu ialah dengan menubuhkan Yayasan Wakaf Negeri yang berorientasikan kebajikan.

Masalah kedua ialah, lakuna atau 'gap' dari sudut perundangan yang telah merencatkan pelaksanaan pembangunan harta wakaf. Menurut Megat Mohd Ghazali & Asiah (2006), faktor perundangan, lokasi, fizikal, pendaftaran pemilikan, pencerobohan, pangkalan data dan kewangan menjadi punca utama mengapa tanah wakaf gagal dibangunkan. Pembangunan harta wakaf tidak akan berjalan lancar tanpa memperkemaskan aspek perundangan yang berkaitan dengan wakaf (Megat Mohd Ghazali & Asiah, 2006). Antara isu yang biasa timbul menurut mereka ialah pertama; ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri-negeri yang mewujudkan perbezaan dalam pemahaman, tafsiran, tatacara pengeluaran fatwa dan hukum. Ini berpunca daripada kedudukan harta wakaf, sepertimana harta-harta keagamaan yang lain, terletak di bawah bidangkuasa negeri (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2 (1)). Perbezaan tafsiran dan pemahaman yang bersifat konservatif berhubung aspek tertentu dalam wakaf sudah pasti menghalang aktiviti-aktiviti pembangunan harta wakaf. Kedua, tiada enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri. Setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang mempunyai undang-undang yang khusus untuk wakaf. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 7/1999 menyediakan kuasa perundangan yang lebih komprehensif dan sistematik kepada Majlis Agama Islam Selangor dalam mengurus hartanah wakaf. Ketiadaan enakmen khusus ini menyebabkan tiada perincian tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran wakaf.

Untuk masalah kedua, Megat Mohd Ghazali & Asiah (2006) menjelaskan bahawa sebenarnya usaha untuk menyelaraskan undang-undang pentadbiran agama Islam (bukan

sahaja wakaf) telah lama diusahakan tetapi sehingga kini masih lagi menemui jalan buntu. Terdapat keperluan untuk menyelaraskan sudut perundangan berkaitan wakaf di kalangan negeri-negeri di Malaysia. Usaha ini tentu dapat direalisasikan dengan sokongan dan keterbukaan semua pihak terutama pihak berkuasa agama negeri masing-masing (Megat & Asiah: 2006).

Selain itu, menurut Megat Mohd Ghazali & Asiah (2006), di Malaysia didapati masih banyak harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, akan tetapi sehingga kini masih belum dimajukan sewajarnya. Malahan, banyak harta wakaf yang tidak ada rekod dan maklumat sistematik. Oleh itu, penubuhan pemusatan institusi wakaf dan penambahbaikan konsep wakaf perlu dilaksanakan. Tanpa pendekatan ini, institusi wakaf tidak mungkin berkembang maju dan dapat dikendalikan secara tersusun dan menyeluruh. Pentadbiran dan pelaksanaan institusi dan produk wakaf memerlukan perubahan yang drastik untuk ia berperanan secara lebih efektif dan perkasa.

Menurut Nor Asiah et. al (2012), terdapat keputusan dasar bagi penubuhan yayasan wakaf, ketika dibincangkan dan dipersetujui di persidangan untuk menyeragamkan Baitul Mal di kalangan semua negeri-negeri di Malaysia. Antara lain ia telah memutuskan bahawa setiap negeri di Malaysia yang mempunyai Majlis Agama mesti mewujudkan satu yayasan wakaf dengan objektif utama untuk mendekati dan memberi manfaat kepada orang ramai kerana orang awam merupakan penyumbang utama yang akan menentukan kelestarian harta wakaf.

Selain itu, menurut Muhammad Yusuf (2009), kaedah bagi pentadbiran dan pengurusan harta wakaf sangat memerlukan perubahan yang radikal. Cara tradisional melantik mutawalli untuk menguruskan harta wakaf dan cara moden meninggalkan pengurusan harta wakaf di tangan institusi di peringkat negeri perlu dikaji semula (Muhammad Yusuf, 2009). Oleh yang demikian, Muhammad Yusuf (2009) berpandangan, institusi-institusi bukan kerajaan yang khusus perlu diwujudkan untuk bertindak sebagai mutawalli bagi hartanah wakaf. Ia juga berhujah bahawa institusi sedia ada seperti universiti, sekolah dan Organisasi Tanpa Keuntungan lain yang khusus untuk pembangunan sosio-ekonomi umat Islam harus dibenarkan untuk bertindak sebagai mutawalli untuk wakaf yang dicipta memihak kepada mereka. Menurut Muhammad Yusuf (2009) lagi, sebuah institusi mutawalli adalah lebih baik daripada mutawalli yang terdiri daripada individu kerana ia mempunyai kelebihan kepakaran dalam kumpulan dan boleh menarik bakat-bakat dalam bidang yang berbeza di bawah satu bumbung. Ini kerana, tidak seperti individu, mutawalli berasaskan institusi boleh bertahan beberapa generasi dan juga boleh menyimpan dokumen dan rekod yang sepatutnya untuk beberapa generasi dan sentiasa boleh diperiksa oleh orang lain.

Tiada kajian sebelumnya yang membincangkan penubuhan yayasan wakaf di luar pesisir. Struktur yang mampu menyokong operasi yayasan wakaf di luar pesisir telah wujud di Labuan, Malaysia. Terdapat satu pembentangan yang dibuat oleh Ahmad Hizzad (2014) yang menunjukkan kelebihan penubuhan yayasan di Labuan. Ada tiga faktor utama yang memberikan kelebihan ke atas yayasan yang ditubuhkan di pesisir luar Labuan tanpa mengambilkira sama ada yayasan tersebut bersifat konvensional atau sebaliknya. Faktor-faktor tersebut ialah keutuhan sistem perundangan, kestabilan dan kos yang efisien. Selain itu menurut beliau yayasan yang ditubuhkan boleh bersifat persendirian ataupun berbentuk derma/amal. Yayasan ini tidak dikenakan syarat jumlah dana minimum, lesen dan bersifat kekal. Cukai sebanyak 3 peratus ataupun RM20,000 akan dikenakan ke atas yayasan yang terlibat dengan aktiviti perdagangan manakala tiada cukai dikenakan ke atas yayasan yang tidak terlibat dalam aktiviti sedemikian. Pengagihan kepada penerima di bawah yayasan tersebut juga mendapat pengecualian cukai di Labuan. Elemen 'kawalan bebas' merupakan kelebihan yayasan di Labuan. Oleh kerana ia tidak tertakluk kepada undang-undang wakaf di Malaysia, maka kawalan ke atas asset wakaf untuk yayasan wakaf yang ditubuhkan di Labuan

adalah berasingan. Pihak yang menubuhkan yayasan boleh menguruskan harta yayasan dan menentukan siapa penerimanya serta bagaimana ia ditadbir urus tetapi masih tertakluk kepada rangka tadbir urus yang disediakan oleh pihak berkuasa di Labuan.

## **KEDUDUKAN WAKAF DALAM PERLEMBAGAAN**

Di Malaysia, di peringkat Persekutuan, pengubalan undang-undang dijalankan oleh Parlimen dan di peringkat negeri, pengubalan undang-undang dijalankan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing (DUN). Terdapat tiga belas negeri di Malaysia, yang terdiri daripada Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang di bahagian Utara; Terengganu dan Kelantan di bahagian Timur Semenanjung; Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Melaka di bahagian Barat; dan Johor di bahagian selatan. Sabah dan Sarawak terletak di Malaysia Timur manakala Wilayah Persekutuan mempunyai tiga kawasan yang terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Wilayah-wilayah Persekutuan adalah tertakluk kepada pihak berkuasa Persekutuan manakala penguatkuasaan undang-undang negeri adalah tertakluk kepada pihak berkuasa negeri masing-masing. Oleh itu, undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan DUN hendaklah mengikut batasan yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan (PP) dan Perlembagaan Negeri. Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, “apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu”. Perkara 75 dalam perlembagaan yang sama memperuntukkan bahawa, “Jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu”.

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi Malaysia. Di Malaysia, undang-undang yang mengawal selia wakaf diletakkan di bawah kuasa eksklusif kerajaan negeri untuk menggubal undang-undang mengenai pentadbiran wakaf. Ia telah dinyatakan dengan jelas di dalam perenggan 1, Senarai II - Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, bahawa “... Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri"sebagai undang-undang yang berada di bawah kuasa negeri”. Di samping itu, Seksyen 25 Akta Undang-Undang Sivil 1956 secara khususnya mengiktiraf bahawa pelupusan harta haruslah mengikut undang-undang Islam. Terdapat 14 Majlis Agama Islam Negeri, satu di setiap 13 buah negeri dan satu untuk Wilayah Persekutuan. Oleh itu, pentadbiran harta wakaf telah diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri di bawah EnakmenPentadbiran Undang-Undang Islam. Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan menyokong peruntukan di atas dengan menyatakan bahawa “Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri”.

Oleh itu, sebagai kerajaan persekutuan yang berstruktur dan melalui pembahagian kuasa perundangan antara Pihak Berkuasa Persekutuan dan Pihak Berkuasa Negeri, undang-undang wakaf di Malaysia ditetapkan di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri dan pentadbiran wakaf telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam setiap negeri, seperti yang akan terus dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

## **WAKAF DI PERINGKAT NEGERI**

Beberapa negeri di Malaysia mempunyai undang-undang yang telah digubal untuk mewujudkan dan mentadbir wakaf di negeri masing-masing. Menurut Amir (2014) dan Sharifah Zubaidah & Nor Asiah (2014), hanya 3 daripada 14 negeri di Malaysia telah menggubal undang-undang khusus berkaitan dengan wakaf, iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, Sharifah Zubaidah (2016) menambah bahawa selain undang-undang wakaf yang dinyatakan di atas, pihak berkuasa Negeri Perak dan Johor juga telah meluluskan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah berkaitan wakaf selari dengan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan lanjut berhubung dengan wakaf dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam. Nur Sakinah Nabilah et.al. (2016) menyatakan bahawa Terengganu dan Pahang juga mempunyai undang-undang khusus mereka sendiri berhubung perkara-perkara wakaf. Undang-undang wakaf tersebut adalah seperti berikut:

- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (No.7 tahun 1999)
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No.5 tahun 2005)
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No.5 tahun 2005)
- Peraturan Kawalan Wakaf 1959 (Perak)
- Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983
- Enakmen Mengesahkan Waqaf Orang-orang Islam 1972 (Negeri Terengganu)
- Kaedah-Kaedah Saham Wakaf Pahang 1998

Selain dari undang-undang khusus berkenaan wakaf ini, peruntukan mengenai undang-undang wakaf di negeri-negeri lain diperuntukkan di bawah Pentadbiran Undang-Undang Islam di negeri tersebut. Ringkasan enakmen-enakmen dan peruntukan-peruntukan wakaf adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Peruntukan-Peruntukan Berkenaan Undang-Undang Wakaf Dalam Enakmen-Enakmen Negeri

<b>Negeri</b>	<b>Enakmen</b>	<b>Seksyen</b>
Perlis	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Perlis 2006	ss63-68
Kedah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2006	ss51-58
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004	ss89-95
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2006	ss78-84
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)	ss61-68
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003	ss89-95

Kelantan	Majlis Agama Islam dan Adat-adat Melayu Kelantan 1994	ss61-66
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu 1422 H	ss63-69
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991	ss70-78
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 2002	ss77-83
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003	ss89-95
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 2003	ss89-95
Sabah	Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004	ss51-57
Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Chap.41)	s43, ss51-54

Sumber: Sharifah Zubaidah & Nor Asiah (2014); Sharifah Zubaidah (2016)

## **KUASA MAIN (MAJLIS) SEBAGAI PEMEGANG AMANAH TUNGGAL WAKAF**

Hal ehwal wakaf adalah tanggungjawab Majlis Agama Islam atau MAIN seperti diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Pentadbiran Agama Islam setiap negeri. Undang-undang wakaf yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri adalah sangat spesifik mengenai peranan MAIN (Amir, 2014). Sebagai contoh, Seksyen 32 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 menyatakan bahawa, “Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor”. Contoh lain adalah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, Seksyen 143 yang dibaca seperti berikut:

*“Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh kepada perkara itu, maka hendaklah Majlis menjadi pengawal tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, dan semua nazar am, dan semua amanah dari serba jenis yang mewujudkan amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syara' dan yang terletak di dalam Negeri ini atau, jika orang yang membuat penyelesaian harta itu atau lain-lain orang yang mewujudkan amanah, wakaf, atau nazar am itu berdomisil di Negeri ini, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana jua harta itu terletak.”*

Manakala Seksyen 144 (1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu menyatakan seperti berikut:

*“...segala harta yang, pada tarikh yang ditetapkan, tertakluk kepada seksyen 143 hendaklah, jika terletak di dalam Negeri ini, terletak hak pada Majlis.”*

Majlis atau MAIN merujuk kepada badan yang ditubuhkan di bawah peruntukan undang-undang pentadbiran Islam di setiap negeri. Mereka dilantik di bawah kuasa Raja untuk

membantu dan memberikan nasihat berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam dan Adat Melayu di negeri tersebut, kecuali perkara yang berkaitan dengan undang-undang Syariah dan pentadbiran keadilan. Tugas utama MAIN sebagai mutawalli terdiri daripada memelihara dan menjaga hal perkara wakaf daripada rosak, mendapatkan keuntungan dan akhir sekali mengumpul dan mengedarkan hasil pendapatan antara benefisiari (Siti Mashitoh, 2011). Antara sebab mengapa institusi ini menjadi satu-satunya pemegang amanah ialah ia akan menjadi lebih mudah bagi pihak Majlis untuk menguruskan harta tanpa perlu berurusan dengan setiap satu lembaga pemegang amanah swasta (Amir, 2014).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan yang menerangkan bahawa kuasa yang diberikan kepada MAIN boleh diagihkan kepada badan atau entiti tertentu. Sebagai contoh peruntukan yang diperuntukkan dalam Seksyen 6 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan Seksyen 27 Enakmen Pentadbiran Agama Enakmen Islam (Negeri Selangor) 2003. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, MAIN kelihatan lebih terbuka untuk membangunkan harta wakaf secara komersial (Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB), 2014). Dengan kelulusan daripada MAIN berkaitan, sebuah syarikat yang diperbadankan, pertubuhan berdaftar atau seorang pemegang amanah yang berdaftar juga boleh mengusahakan wakaf (MASB, 2014).

Di Malaysia, JAWHAR telah ditubuhkan pada 2004 di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf, zakat dan haji adalah teratur, sistematik dan berkesan (Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia) (MIFC), 2015). Melalui JAWHAR, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan dengan visi untuk menjadi organisasi utama dalam mengukuhkan ummah melalui peningkatan pelbagai instrumen wakaf (MIFC, 2015). Penubuhan entiti ini datang dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitul Mal Kebangsaan (JPBK) yang diadakan di Terengganu pada 25 Mac 2006. Menurut Azri (2009), YWM telah ditubuhkan secara rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (TIA) 1952 (Akta 258). Sehingga sekarang, ia bertindak sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta wakaf (hartanah, fizikal atau tunai) daripada pemberi wakaf dan sumber awam (Mohd Faisal et al., 2014).

Di samping itu, pada dasarnya, YWM ditubuhkan untuk memenuhi keperluan untuk mempunyai satu entiti yang boleh menguruskan hal ehwal wakaf di peringkat Persekutuan. Azri (2009) menulis bahawa objektif penubuhan YWM adalah untuk menyatukan dan menggerakkan sumber wakaf untuk digunakan sebagai modal ekonomi bagi umat Islam. Beliau menjelaskan bahawa untuk tujuan ini, fokus utama pada peringkat penubuhan ialah keterlibatan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di peringkat negeri dan MAIN memainkan peranan sebagai pihak berkepentingan utama dalam pembangunan dan kemajuan wakaf. Untuk memastikan bahawa tujuan penubuhan YWM boleh dicapai, Lembaga Pemegang Amanah YWM dicipta dan dipengerusikan oleh menteri yang menjaga hal ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri (Azri, 2009).

MAIN telah mengagihkan kuasanya beberapa kali seperti memberikan kuasanya kepada YWM. YWM bertanggungjawab untuk memupuk ekonomi, membangunkan harta wakaf Muslim, melaksanakan kebajikan sosial, dan melabur dalam pelaburan patuh syariah sebelum wakaf diagihkan (Mohd Faisal et al., 2014). Ia bertindak sebagai asas untuk menguruskan harta wakaf daripada penderma dan orang awam. Walau bagaimanapun, YWM juga boleh memberikan lesen atau kebenaran kepada persatuan dan institusi swasta untuk mengumpul wakaf untuk pembangunan persatuan atau institusi itu sendiri (Mohd Faisal et al., 2014).

Kesimpulannya, ia adalah undang-undang yang jelas bahawa Akta/ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam setiap negeri membolehkan MAIN untuk mengagihkan kuasa mereka dalam pentadbiran dan pengendalian harta-harta wakaf kepada institusi lain,

tertakluk kepada kelulusan daripada MAIN. Peruntukan ini telah digunakan agak meluas beberapa tahun kebelakangan ini oleh MAIN dan ia terbukti dengan penubuhan YWM dan lain-lain institusi wakaf korporat seperti “WANCorp”, “Selangor-Muamalat Wakaf” dan “UKM Dana Waqf” (Asharaf dan Abdullaah, 2013).

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber sekunder yang digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan persoalan kajian terdiri daripada statut berkaitan wakaf dalam Malaysia seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Undang-undang Sivil 1956, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Pentadbiran Agama Islam setiap negeri dan Enakmen Wakaf negeri. Bagi meneliti peraturan dan perundangan legislatif berkaitan penubuhan yayasan wakaf di pesisir luar Labuan, kajian ini merujuk kepada sumber sekunder daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA). Ini termasuklah Akta Amanah Labuan 1996, Akta Yayasan Labuan 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 (LIFSSA 2010), Akta Yayasan Labuan 2010, Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, Garis Panduan Penubuhan Yayasan Wakaf Antarabangsa Labuan (LIWF) dan Garis Panduan Penubuhan Yayasan Labuan Termasuk Yayasan Islam. Selain itu, kajian ini juga merujuk beberapa laman sesawang institusi wakaf dan badan-badan lain yang mempunyai kuasa menubuhkan yayasan dan menguruskan wakaf seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang seperti Labuan IBFC dan Yayasan Wakaf Malaysia.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Kerangka Perundangan Untuk Mewujudkan Yayasan Berasaskan Wakaf**

Menurut Siti Mashitoh (2011), ia adalah jelas bahawa dalam menjalankan fungsi dan kuasa sebagai pemegang amanah tunggal wakaf itu, MAIN boleh menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan sesuai untuk menjalankan, mengetuai, melaksanakan serta menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan dalam sektor wakaf dengan kelulusan Raja melalui perintah yang disiarkan dalam Warta. Suatu perbadanan juga boleh menubuhkan sebuah yayasan untuk tujuan yang sama. Yayasan adalah entiti undang-undang rasmi yang memenuhi keperluan orang awam (Amir, 2014). Kebiasaannya, ia ditadbir oleh satu lembaga pemegang amanah. Objektif sesuatu yayasan adalah spesifik kerana ia menyokong dan menggalakkan beberapa bidang terpilih seperti pendidikan, kesihatan dan keperluan teknologi. Menurut Amir (2014), yayasan boleh diwujudkan melalui Akta Parlimen dan melalui Akta Syarikat 1965 (sekarang Akta Syarikat 2016). Selain daripada dua cara yang disebut oleh Amir (2014) di atas, yayasan juga boleh diwujudkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), atau khususnya, di bawah Seksyen 107 LIFSSA 2010. Secara ringkasnya yayasan Islam atau wakaf boleh dibuat melalui cara-cara berikut:

- a) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Contoh: Yayasan Wakaf Malaysia
- b) Akta Syarikat 1965 (Dimansuhkan. Terkini Akta Syarikat 2016). Contoh: Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan
- c) Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)
- d) Akta Parlimen. Contoh: Yayasan Tunku Abdul Rahman

Perbincangan lanjut akan dibuat berkenaan pemerbadanan yayasan wakaf di bawah LFSA atau khususnya, LIFSSA 2010.

### **Yayasan/ Syarikat Amanah yang berdaftar di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)**

Sebuah pertubuhan kebajikan juga boleh didaftarkan sebagai amanah di bawah Akta Amanah Labuan 1996 atau sebagai yayasan di bawah Akta Yayasan Labuan 2010 di mana apabila diperbadankan, entiti tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang di Labuan berkenaan badan amal (Latifa Bibi et al., 2017). Selain itu, entiti yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan di atas akan layak untuk pengecualian cukai di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 (Latifa Bibi et al., 2017). Walau bagaimanapun, pemohon mesti membuat permohonan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Latifa Bibi et al., 2017).

Oleh kerana kajian ini hanya mahu melihat peruntukan undang-undang bagi penubuhan yayasan wakaf di Labuan, maka kajian ini tidak akan membincangkan tentang pertubuhan kebajikan yang didaftarkan sebagai amanah di bawah Akta Amanah Labuan 1996. Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 (LIFSSA 2010) memperuntukkan bahawa yayasan boleh ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Labuan 2010 [Akta 706] untuk yayasan konvensional Labuan, Seksyen 107-110 daripada LIFSSA 2010 [Akta 705] untuk yayasan Islam Labuan, atau di bawah entiti sama yang ditubuhkan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf. Oleh itu, LIFSSA 2010 akan menjadi undang-undang utama yang mengawal yayasan Islam Labuan di samping undang-undang lain atau undang-undang kecil yang akan dibincangkan kemudian. Terdapat dua garis panduan yang berkaitan dengan yayasan Islam yang perlu dipatuhi. Garis panduan yang pertama adalah Garis Panduan Penubuhan Yayasan Labuan Termasuk Yayasan Islam. Jika yayasan tersebut merupakan yayasan wakaf, LFSA menyediakan garis panduan yang kedua iaitu LIWF. Kajian ini mengaplikasikan kedua-dua garis panduan ini dalam model penubuhan yayasan wakaf antarabangsa di bahagian yang seterusnya.

### **MODEL YAYASAN WAKAF ANTARABANGSA (YWA) DI LABUAN**

Model YWA yang dicadangkan ini adalah seperti di dalam Rajah 1. YWA ini dikategorikan sebagai wakaf yang bersifat kebajikan kebajikan (waqf al-khairi). Individu yang menubuhkan wakaf dikenali sebagai pengasas Pengasas YWA boleh terdiri daripada beberapa orang individu, syarikat atau pun gabungan antara individu dan syarikat. Manakala orang yang mendapat faedah daripada wakaf dikenali sebagai benefisiari. Pengasas akan mewakafkan harta mereka kepada YWA (mengikut Perenggan 6.2 Garis Panduan LIWF). Perenggan 5.4 Garis Panduan LIWF memperuntukkan bahawa YWA boleh ditubuhkan oleh pengasas (waqif) dengan cara memasukkan namanya di dalam piagam yayasan, mematuhi semua syarat-syarat di dalam LFA 2010 dan LIFSSA 2010 dan menerima sijil pendaftaran daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Perenggan 5.5 Garis Panduan LIWF menyatakan bahawa, sebelum pendaftaran sesuatu LIWF, pengasas hendaklah melantik suatu syarikat amanah berdaftar di Labuan untuk menjadi setiausaha YWA yang dicadangkan. Setiausaha bertindak sebagai pembekal perkhidmatan kepada YWA dan melaksanakan semua fungsi kesetiausahaan termasuk pemfailan dan penyerahan dokumen kepada Labuan FSA. Proses penubuhan ini memerlukan YWA menyediakan piagam (waqfiyyah) yang menjelaskan bagaimana wakaf ini dibuat, tujuan, terma dan syarat yang akan mengawalselia penggunaan dan pengurusan dana wakaf. YWA

seterusnya akan bertindak atas kapasiti Pemegang Amanah (Nazir atau Mutawalli) dalam mentadbir harta wakaf.

YWA perlu menubuhkan majlis yang merupakan sebuah badan yang dilantik dan digelar majlis diamanahkan untuk menjalankan perniagaan dan hal-ehwal YWA di samping merealisasikan matlamat YWA. Majlis tersebut bertanggungjawab ke atas pemantauan secara umum ke atas pengurusan yayasan itu dan memastikan tujuan yang mana yayasan itu ditubuhkan dipenuhi mengikut piagam, artikel dan undang-undang. Pada hakikatnya, majlis adalah sama dengan lembaga pengarah syarikat. Di dalam majlis ini ada ahli majlis terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli (pengasas boleh menjadi ahli majlis), sekurang-kurangnya seorang pegawai dan sekurang-kurangnya seorang pemantau. Pengasas atau benefisiari juga boleh menjadi pegawai dengan syarat bahawa beliau bukan ahli majlis dan tidak boleh hilang kelayakan menurut Seksyen 37 LFA 2010. Pegawai tersebut bertanggungjawab untuk melaksanakan arahan dari ahli majlis dan bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran yang baik. Pemantau pula adalah ‘pelindung’ atau ‘penjaga’ kepada YWA. Secara umumnya, pemantau bertanggungjawab untuk mengawal aktiviti yayasan dari segi pematuan peraturan. Selain itu, peranan dan fungsi mereka mesti dijalankan mengikut peruntukan piagam dan terma-terma dan syarat-syarat yang Labuan FSA akan ditetapkan dari semasa ke semasa. YWA juga dikehendaki melantik penasihat Syariah.

Selain daripada mengumpul sumbangan wakaf dalam bentuk tunai daripada pengasas, dana wakaf tunai akan dipertingkatkan melalui dua lagi saluran iaitu melalui pendanaan awam dan saluran luar talian. Saluran pertama ini tidak semestinya melalui satu platform pendanaan awam. YWA boleh membentuk kerjasama strategik dengan beberapa platform pendanaan awam. Pewakaf perlu membayar fi platform dan fi pemprosesan yang dikenakan oleh platform pendanaan awam ini. Saluran kedua adalah saluran yang bersifat tradisional di mana kutipan wakaf tunai dijalankan seperti biasa.

Dana wakaf ini akan diuruskan oleh bank yang mempunyai kapasiti undang-undang sebagai pemegang amanah di Labuan. Wang tersebut akan dilaburkan dalam pelaburan patuh Syariah untuk memastikan dana tunai tersebut dapat menjana keuntungan. Bayaran transaksi akan dikenakan untuk setiap transaksi. Secara lebih khususnya, wakaf tunai yang diperolehi melalui pendanaan awam, hasil pelaburannya akan digunakan untuk membiayai jenis projek wakaf yang telah dipilih oleh penderma wakaf semasa penderma membuat pilihan kempen di atas platform. Hasil pelaburan dana wakaf tunai yang diterima melalui pengasas dan saluran luar talian akan digunakan untuk tujuan kemampunan operasi dan pengurusan YWA atau boleh juga digunakan untuk menampung projek-projek wakaf di pendanaan awam yang masih tidak mencapai sasaran dana.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Kajian Nor Asiah et. al (2012) telah menunjukkan adanya satu keputusan dasar secara bersama di antara semua negeri di Malaysia tentang mewujudkan satu yayasan wakaf di setiap negeri. Penubuhan yayasan wakaf di Malaysia telah pun dilakukan dalam ruang lingkup perundangan yang sedia ada tetapi ia masih mengekalkan MAIN sebagai entiti yang mempunyai kuasa ke atas yayasan wakaf tersebut. Penubuhan yayasan wakaf ini juga masih bersifat berasingan antara yayasan wakaf negeri masing-masing.

Kajian ini walau bagaimanapun mengambil pendekatan yang berbeza dengan menyarankan satu penubuhan yayasan wakaf yang dinamakan sebagai YWA di Labuan. Penubuhan YWA ini daripada segi asasnya adalah selari dengan prinsip dan hukum perundangan wakaf di mana ia adalah untuk menguruskan harta wakaf kepada benefisiari yang telah ditentukan dalam piagam penubuhannya tetapi daripada sudut perundangan wakaf di

Malaysia ianya tidak lagi tertakluk kepada kuasa MAIN. YWA ini adalah yayasan pada peringkat global dan merentasi sempadan tanpa perlu terikat kepada peruntukan undang-undang dalam Malaysia.

Cadangan ini adalah relevan apabila mengambilkira isu-isu yang berkaitan dengan perundangan wakaf di Malaysia yang diutarakan oleh Megat Mohd Ghazali & Asiah (2006) di mana sehingga kini cadangan penyeragaman di peringkat nasional masih belum direalisasikan kerana wujudnya konflik undang-undang yang mengawal selia sistem wakaf di Malaysia. Tanpa penyeragaman ini, mustahil yayasan wakaf peringkat nasional sukar dilaksanakan. Kajian ini tidak melihat usaha ke arah ini adalah sesuatu yang sia-sia. Ia masih perlu diteruskan tetapi pada masa yang sama kelebihan Labuan yang menyediakan kerangka perundangan dan tadbir urus yang baik untuk pembangunan wakaf sewajarnya diperhalusi dan dieksploitasi dengan sebaik mungkin. Ini selari dengan (Latifa Bibi et al., 2017) yang mengatakan Labuan dilihat sebagai platform urus niaga merentas sempadan yang dirangkumi dan dilindungi oleh kerangka statutori yang mencukupi dengan tahap kerahsiaan yang tinggi kepada pihak-pihak yang terlibat.

Yayasan wakaf di Labuan tidak semestinya bersifat wakaf untuk kebajikan waqf al-khairi. Malah perundangan di sini juga membenarkan yayasan wakaf untuk wakaf keluarga (waqf al-ahli), wakaf gabungan (waqf al-mushtarak) dan wakaf untuk diri sendiri (waqf aka al-nafs). Pentadbiran harta wakaf dikendalikan secara sendiri oleh pengasas yayasan wakaf. Oleh itu merupakan satu kelebihan bagi individu yang mahu menggunakan instrumen wakaf bagi memenuhi keperluan perancangan dan pengurusan harta pusaka tetapi tidak mahu melepaskan kapasiti sebagai mutawalli kepada MAIN.

Kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan melihat aspek-aspek lain yang perlu ditangani oleh YWA seperti isu bagaimana menangani masalah yang berkaitan dengan ketelusan dan masalah yang berkaitan dengan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram. Apabila melibatkan peringkat global, maka semakin sukar untuk menangani permasalahan ini. Kesimpulannya, penubuhan YWA ini ada potensi untuk dilaksanakan kerana adanya sistem perundangannya yang kukuh.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah ditaja oleh GUP-2016-001, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## **RUJUKAN**

- Ahmad H. (2014). The role of wealth distribution in Islamic wealth management: The case of Labuan Islamic trust and foundation [Paper presentation]. BNP Paribas-INCEIF CIWM Public Lecture, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Amir B. (2014). Islamic estate, retirement and waqf planning. Kuala Lumpur: IBFIM
- Asharaf M. R. & Abdullaah J. (2013). Corporate waqf model and its distinctive features: The future of Islamic philanthropy [Paper presentation]. The World Universities Islamic Philanthropy Conference 2013, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azri A. (2009). Yayasan Wakaf Malaysia. In JAKIM (Ed.), Kejayaan institusi-institusi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pp. 191-200). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Barjoyai B. (2009). Memperkasa institusi pembangunan ekonomi dan pengemblengan dana ummah: Strategi pemantapan kegiatan ekonomi ummah yang lestari [Paper presentation]. Kongres Ekonomi Islam (KEI-3), Kuala Lumpur, Malaysia.

- Barjoyai B. (2009). Memperkasa institusi pembangunan ekonomi dan penggemblengan dana ummah: Strategi pemantapan kegiatan ekonomi ummah yang lestari [Paper presentation]. Kongres Ekonomi Islam (KEI-3), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Latifa Bibi M. H., Sarifah I., Surianom M., Apnizan A., Hafiz D. & Mohd Izwadi M. H. (2017). Green report: Viability of Sadaqah House within Islamic banking environment. Kolej Universiti Islam Antarabangsa: Selangor.
- Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) (2014). Waqf. MASB Research Paper. MASB.
- Megat Mohd Ghazali M. A. R. & Asiah O. (2006). Pembangunan tanah wakaf: Isu, prospek dan strategi [Paper presentation]. Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohamad Salleh A. (2009, Disember 25). Malaysia perlu transformasi pengurusan wakaf. Utusan.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1225&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_08.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_08.htm)
- Mohammad T. S. & Abdul Hamid M. I. (2006). Obstacles of the current concept of waqf to the development of waqf properties and the recommended alternative. *Malaysian Journal of Real Estate*, 1(1), 1-95.
- Mohd Faisal M. Y., Mohd Faiz M. Y., Mazlin Hani H. and Nurhanani R. (2014). Cash waqf and infaq: A proposed E-Philanthropy in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1-10.
- Mohd Umar M., Shahida S., Abdul Ghafar I. & Zaini E. (2012). Tackling poverty: A look at cash waqf. In *Prosiding PERKEM IIV Volume 2 (1611-1623)*. UKM.
- Muhammad Ridhwan A. A., Fuadah J. & Mohd Asyraf Y. (2013). Cash waqf models for financing in education. In *Sustainable development through the Islamic Economics system (835-842)*. USIM.
- Muhammad Sofiyuddin Z. & Mohd Zamro M. (2017). Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyyat Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 39(1), 39-46.
- Muhammad Yusuf S. (2009). Towards institutional mutawallis for the management of waqf properties [Paper presentation]. *International Conference on Waqf Laws and Management*, Selangor, Malaysia.
- Nor Asiah M., Sh. Zubaidah S. A. K. & Zuraidah A. (2012). Waqf lands and challenges from the legal perspectives in Malaysia [Paper presentation]. *IIUM-Toyo Joint Symposium. Sustainable Built Environment: Lesson learned from Malaysia and Japan*, Tokyo, Japan.
- Nur Sakinah Nabilah N. S., Suhaili A, Asma Hakimah A. H. (2016). Proposal penubuhan platform pendanaan awam berasaskan wakaf dari segi perundangan Malaysia [Paper presentation] *Persidangan Islam Malaysia ke-3 Islamic Economics and Finance (CMIEF) 2016*, Selangor: Malaysia.
- Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) (2015). *Waqf: Realising Social Role of Islamic Finance*. MIFC
- Rohayu A. M. & Rosli S. (2014). Permasalahan pengurusan hartanah wakaf di Malaysia. *International Surveying Research Journal*, 4(1), 29-43.
- Sharifah Zubaidah S. A. K. (2016). Kerangka undang-undang pengurusan wakaf di Malaysia: Ke arah keseragaman undang-undang. *Kanun*, 28(1), 101-126.
- Sharifah Zubaidah S. A. K. and Nor Asiah M. (2014). Legal framework for waqf land in Malaysia. *Shariah Law Reports*, 4, 1-23.
- Siti Mashitoh M. (2011). Law of waqf in Malaysia: Recent developments. In M. Kahf & S. M. Mahmood (Eds.), *Essential readings in contemporary waqf issues*. (77-106). Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.